

13 FEB 2003

Mahathir-Aturcara

PERDANA MENTERI PUNYAI ATURCARA PADAT DI JB ESOK

JOHOR BAHRU, 13 Feb (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad mempunyai aturcara yang padat sempena lawatan kerja sehari ke bandaraya ini esok.

Menurut kenyataan Jabatan Penerangan, Perdana Menteri dijadual tiba di Lapangan Terbang Senai pada pukul 8.45 pagi dan akan terus berangkat ke majlis muhibah bersama rakyat di tapak projek Gerbang Selatan Bersepadu di tengah-tengah bandaraya ini.

Projek Gerbang Selatan Bersepadu merupakan satu daripada projek besar bersepadu yang bakal mengubah wajah bandaraya ini, khususnya dengan pembinaan Kompleks Kastam, Imigresen dan Kuarantina (CIQ) yang baru di tapak seluas lebih 41 hektar kira-kira 0.7 kilometer dari pintu masuk Tambak Johor yang ada sekarang.

Menurut kenyataan itu lagi, selepas majlis itu Dr Mahathir akan menyertai umat Islam di bandaraya ini menunaikan solat fardhu Jumaat di Masjid Sultan Abu Bakar di sini.

Selepas itu, Perdana Menteri akan menghadiri jamuan tengah hari di kediaman rasmi Menteri Besar Johor, Saujana.

Pada pukul 3 petang, beliau akan mendengar taklimat mengenai satu lagi projek yang bakal menceriakan wajah bandaraya ini iaitu projek pembangunan bercampur Danga Bay di tapak projek itu, di pesisir Selat Tebrau.

Menurut kenyataan pemaju projek itu, Danga Bay Sdn Bhd, projek itu bakal merealisasikan sebahagian wawasan Perdana Menteri untuk pembangunan mampan bandaraya ini yang merupakan pintu masuk selatan tanahair.

"Pembangunannya direkabentuk untuk memanfaatkan sepenuhnya keindahan kawasan gigi air Selat Tebrau," kata kenyataan itu, yang menambah bahawa kawasan seluas 70 hektar di Danga Bay itu merangkumi projek kondominium dan taman tema untuk orang awam di Pantai Lido yang bakal dibuka pada Jun ini.

Menurut Jabatan Penerangan lagi, Dr Mahathir dijadualkan mengadap Sultan Johor di Istana Bukit Serene sebelum pulang ke ibu negara pada pukul 6 petang.

-- BERNAMA

MNY MNY PR